



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 49 / 2022

PROSES HARI MENGUNDI AWAL BAGI
PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15)
BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.017
PADANG SERAI DAN DEWAN NEGERI N.42 TIOMAN,
PAHANG

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa bagi Bahagian Pilihan Raya **Parlimen P.017 Padang Serai**, sejumlah **76 orang pengundi awal** yang terdiri daripada **anggota polis** akan mengundi awal pada **3 Disember 2022 (Sabtu)** bertempat di **Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim**, mulai jam **8.00 pagi hingga 2.00 petang**.
2. Manakala, bagi Bahagian Pilihan Raya **Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang** pula seramai **243 orang polis** akan mengundi awal di **Bilik Rehat Ibu Pejabat Polis Daerah Rompin (8.00 pagi hingga 5.00 petang)** dan di **Bilik Maklumat Balai Polis Tekek Pulau Tioman (8.00 pagi hingga 12.00 tengahari)**.



3. Pengundi yang dikategorikan mengundi awal adalah dinasihatkan untuk membuat semakan maklumat pengundian melalui portal semakan di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>** atau **hubungi Hotline SPR di talian 03-88927018 / 03-88880040** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**.
4. Adalah dimaklumkan juga, **penandaan dakwat pilihan raya** akan dibuat pada **jari kelingking tangan kiri**, bagi pengundi yang hadir pada hari mengundi awal.
5. SPR turut menyarankan kepada pengundi yang **positif Covid-19** untuk **berhubung terus dengan Pegawai Kesihatan Daerah** bagi memudahkan urusan pengundian awal nanti.
6. Proses pengundian awal ini turut disaksikan oleh ejen-ejen calon yang bertanding. Di samping itu, SPR akan menyiarkan proses pengundian ini secara *live streaming* menerusi *Facebook* SPR di beberapa Pusat Mengundi Awal yang terpilih.



7. Kertas-kertas undi awal tidak akan dibuat pengiraan pada hari mengundi awal dan kesemua peti undi akan disimpan di **lokap balai polis untuk jagaan selamat**. Kertas-kertas undi tersebut hanya akan dibuat pengiraan pada **7 Disember 2022, bermula jam 4.00 petang** di tempat pengiraan undi yang ditetapkan SPR serta disaksikan oleh ejen-ejen calon masing-masing.

Sekian.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya

2 Disember 2022 / 7 Jamadilawal 1444H

